



Headline: Rugi RM11,400 ditipu pegawai 'Telekom'

Publication/Portal: Kosmo

Date: 13 September 2021

Language: Malay

Section: Negara

Page: 8

Rugi RM11,400 ditipu pegawai 'Telekom'

KUANTAN – Gara-gara didakwa memiliki hutang pendaftaran dan pemasangan internet, seorang pelajar berusia 21 tahun akhirnya mengalami kerugian RM11,400 selepas terpedaya dengan macau scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendant Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian bermula kira-kira pukul 1.34 tengah hari semalam ketika mangsa berada di rumahnya di Bandar Indera Mahkota, di sini.

"Mangsa menerima panggilan telefon daripada individu yang mengaku sebagai pegawai Telekom dari Seremban, Negeri Sembilan mendakwa mangsa mempunyai hutang pendaftaran dan pemasangan Unifi pada 10 Jun lalu.

"Namun mangsa menafikan ada membuat langganan internet berkenaan sebelum dia diminta bercakap dengan individu lain yang mendakwa anggota polis dari Ibu Pejabat polis Daerah (IPD) Seremban," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, selepas perbincangan, mangsa diminta pula bercakap dengan individu yang memperkenalkan diri sebagai Datuk Ridzuan untuk mendapatkan panduan mengenai cara membersihkan nama serta siasatan terhadap akaun banknya.

Beliau berkata, mangsa kemudian menyerahkan semua maklumat peribadi dan akaun bank miliknya kepada suspek



MOHD. WAZIR



Namun mangsa menafikan ada membuat langganan internet berkenaan sebelum dia diminta bercakap dengan individu lain yang mendakwa anggota polis dari Ibu Pejabat polis Daerah (IPD) Seremban," katanya dalam kenyataan di sini semalam."

MOHD. WAZIR

sebelum panggilan tersebut terputus.

"Mangsa terus membuat semakan dua akaun bank miliknya dan mendapat wang simpanannya telah berkurang masing-masing sebanyak RM9,000 dan RM2,400 dan mangsa yang berasa tertipu membuat laporan polis," ujarnya.